

**Mahkamah Putuskan Petisyen PAS Bagi DUN Manong, Pasir Panjang Esok  
Bernama  
29 Julai, 2013**

BATU GAJAH, 29 Julai (Bernama) -- Mahkamah Pilihan Raya akan memutuskan sama ada menolak atau meneruskan pendengaran petisyen pilihan raya kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Manong dan Pasir Panjang yang dikemukakan PAS bagi membantah keputusan pilihan raya umum ke-13 (PRU13) esok.

Hakim Abang Iskandar Abang Hashim menetapkan tarikh itu selepas mendengar bantahan awal bagi kedua-dua petisyen hari ini.

Pada prosiding hari ini, Abang Iskandar mengeluarkan perintah halangan terhadap beberapa peguam kerana tiada locus standi, dan nama mereka tidak disenarai sebagai peguam pempetisyen untuk berhujah.

Bagaimanapun, beliau memutuskan petisyen seorang pengundi, Hamidun Zakaria, bagi kerusi DUN Pasir Panjang diteruskan dengan sesi penghujahan esok.

PAS diwakili enam peguam yang diketuai G.K Ganeson manakala ADUN Manong Mohamad Kamil Shafie dan ADUN Pasir Panjang Rashidi Ibrahim dari Barisan Nasional (BN), yang dinamakan sebagai responden pertama, diwakili peguam Abu Bakar As Sidiq dan Badrul Hishah Abdul Wahab.

Turut dinamakan sebagai responden ialah Pegawai Pengurus Bahagian Pilihan Raya DUN Manong dan Pasir Panjang serta Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) yang diwakili Peguam Kanan Persekutuan Nadia Hanim Mohd Tajuddin dan Donald Joseph Franklin.

Responden memfailkan bantahan awal pada 15 Julai lepas agar petisyen pilihan raya PAS di kedua-dua kawasan dibatalkan dengan kos.

Terdahulu, Abu Bakar berkata ketika petisyen itu difailkan, hanya terdapat nama seorang sahaja peguam iaitu Chan Kok Leong mewakili DUN Pasir Panjang dan 18 bagi DUN Manong.

"Masalah yang berlaku pada hari ini, empat peguam yang ada di sini bukanlah nama yang telah dilantik itu, dan mereka tidak ada local standi untuk bercakap dan berada di sini.

"Begitu juga ketika petisyen difailkan. Sepatutnya, ia difailkan sendiri oleh pempetisyen dan bukannya oleh firma guaman yang dilantik. Petisyen ini tidak difailkan dengan betul. Kok Leong juga sehingga hari ini masih gagal memfailkan notis penerimaannya, justeru, saya memohon supaya kedua-dua petisyen ini ditolak dengan kos," katanya.

Bagi DUN Pasir Panjang, Rashidi menewaskan calon PAS Rohawati Abidin dan calon Bebas S.Vijayan dengan majoriti 304 undi manakala Mohamad Kamil memperoleh majoriti 231 undi ketika mengalahkan calon PAS Jamil Dzulkarnain.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=966885>

